

PERKEMBANGAN TREND GEJALA ISLAMOFOBIA DI NEGARA MAJORITI BUKAN ISLAM: SATU ANALISA¹⁷²

Yasmin Hanani Mohd Safian^{i*}, Nur Fatimah Shamsuddinⁱⁱ, Zahari Mahad Musaⁱⁱⁱ, Mohd Mahyeddin Mohd Sallehⁱⁱⁱ, Nisar Mohamad Ahmadⁱⁱⁱ

ⁱ Profesor Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai.

ⁱⁱ Pelajar Sarjana, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai.

ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai.

*(Penulis koresponden) Emel: yasmin@usim.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini menganalisa trend fenomena Islamofobia di negara majoriti bukan Islam dan kesan Islamofobia terhadap pengamalan Syariah umat Islam di negara terbabit. Gejala ini dikesan kian meruncing sejak 20 tahun lalu selepas peristiwa 11 September 2001, dan menyaksikan beberapa lagi siri keganasan yang berlaku di atas nama Islam. Laporan dan dapatan kajian di negara terbabit akan dikaji bagi memahami trend sebenar gejala Islamofobia ini. Kajian ini dijangka menjawab persoalan: Apakah trend Islamofobia di negara tersebut? Adakah gejala ini memberi kesan terhadap pengamalan Syariah di kalangan umat Islam di negara tersebut? Kajian ini dijangka dapat membantu kajian Islamofobia yang mula merebak di negara Islam yang lain.

Kata Kunci: *Islamofobia, trend, pengamalan Syariah, negara-negara bukan Islam*

ABSTRACT

This study analyzes the trend of Islamophobia in non-Muslim majority countries and the impact on the Syariah practice of Muslims in those countries. Islamophobia has been on the rise since the events of September 11, 2001 and the series of violence that took place in the name of Islam. The reports and findings of the study in these countries will be studied to understand the real trend of Islamophobia. This study is expected to answer the questions; what is the trend of Islamophobia in the said countries? How does Islamophobia affect the practice of Syariah among Muslims in the country? This study is expected to help the study of Islamophobia that began to spread in other Islamic countries.

Keywords: *Islamophobia, trend, Shariah practice, non- Muslim countries*

Pendahuluan

Kajian ini menganalisa trend gejala Islamofobia di negara majoriti bukan Islam dan kesan terhadap pengamalan Syariah umat Islam di negara terbabit. Islamofobia atau ancaman terhadap penganut Islam di seluruh dunia datang dengan pelbagai cara; ucapan kebencian (*hate speech*), kemunculan media baharu, ancaman di media cetak, televisyen dan ancaman secara fizikal. Pelbagai kajian telah dilakukan sejak kemunculan Islamofobia yang dapat membantu kita memahami faktor, kategori dan kesan buruk akibat

¹⁷² Kajian adalah sebahagian penyelidikan di bawah geran Universiti Sains Islam Malaysia bernombor PPPI/UGC_0119/FSU/051000/12619 bertajuk: “Menangani Gejala Islamofobia Menggunakan Model Fiqh Tasamuh”. Penghargaan diberikan kepada pihak penaja penyelidikan ini.

ketakutan ini. Justeru, kertas kerja ini akan menyingkap literatur yang menelusuri kemunculan awal Islamofobia hingga ke hari ini.

Kemunculan pelbagai insiden keganasan yang dilakukan atas nama Islam telah menyemarakkan lagi sentimen anti Islam atau Islamofobia. Terbaru ialah insiden serangan pembunuhan ke atas seorang guru Samuel Paty di Perancis oleh seorang pemuda Islam. Guru ini dikatakan telah memaparkan karikatur Nabi Muhammad SAW di dalam kelasnya dan menyebabkan kemarahan pelajar tersebut. Insiden pembunuhan ini mengundang kemarahan banyak pihak. Insiden ini pastinya akan memburukkan lagi sentimen Islamofobia bukan sahaja di Perancis malah di serata dunia. Rentetan itu, Presiden Emmanuel Macron telah membuat ucapan pada 2 Oktober lalu dengan membentangkan pelan tindakan mengekang pemisahan Islam dan menyatakan bahawa agama Islam menghadapi krisis yang perlu ditangani (Sandford, 2020). Walau pun Macron menyatakan negaranya membenarkan kebebasan beragama namun dalam masa yang sama, Macron juga mempertahankan kebebasan bersuara "*We will not give up caricatures and drawings, even if others back away*". Ini adalah merujuk kepada kebebasan yang diberikan kepada majalah satira Charlie Hebdo yang sering memperolok-olokkan Nabi Muhammad SAW. Bagaimana kebebasan beragama dan kehidupan kekal harmoni dapat dijamin sekiranya masyarakat dan media negara itu tidak dilarang daripada menghina agama lain? Kebebasan bersuara tidak bermakna jika kita menghina sesuatu kaum dan menyentuh sensitiviti agama dan kaum lain. Ia adalah jelas satu pembulian. -

Kemunculan siri keganasan dan serangan yang dilakukan oleh orang Islam seperti yang dinyatakan di atas merupakan salah satu faktor Islamofobia kian berleluasa di serata dunia. Selain itu, kesalahfahaman dan salahtanggapan terhadap agama Islam juga menjadi faktor Islamofobia di kalangan masyarakat bukan Islam. Justeru, kajian ini cuba mengkaji trend Islamofobia yang berlaku di 3 negara yang mana orang Islam adalah masyarakat minoriti iaitu Amerika Syarikat, Australia dan United Kingdom. Trend Islamofobia ini akan dikaji bagi menjawab persoalan; apakah kesan Islamofobia terhadap pengamalan Syariah di kalangan umat Islam di negara itu? Adakah Islamofobia menyebabkan umat Islam terhalang daripada menunaikan kewajipan mereka seharian, termasuklah kewajipan fardu ain seperti solat dan menutup aurat, menuntut ilmu agama dan kewajipan fardu kifayah kepada masyarakat?

Apakah Islamofobia?

Islamofobia adalah salah satu 'ketakutan' manusia terhadap sesuatu perkara berkaitan Islam. Islamofobia muncul dengan pelbagai cara antaranya; melalui ucapan kebencian (*hate speech*). Ucapan kebencian merupakan bentuk terawal ancaman terhadap orang Islam. Pelbagai takrifan Islamofobia antaranya melalui kamus Merriam Webster dan Cambridge: ketakutan yang tidak rasional, kebencian atau diskriminasi terhadap orang Islam atau mereka yang mempraktikkan Islam (<https://www.merriam-webster.com/dictionary/Islamophobia>). Malah ketakutan ini dikategorikan sebagai rasis dalam definisi Meri dan Nayan (2018): "Islamofobia dilihat sebagai suatu bentuk rasis sama ada rasis-Islam mahupun rasis anti-Muslim yang bertujuan mewujudkan perbezaan di antara kumpulan dalaman (*in-group*) dan kumpulan luar (*out-group*)". Manakala Tartaglia dan lain-lain (2019) pula menambah bahawa terdapat elemen lain yang sudah menyerap ke dalam Islamofobia, iaitu prejudis dan bias.

Considene (2017) menjelaskan bahawa perkataan Islamofobia mula wujud dalam penulisan berbahasa Inggeris sejak 1980-an. Considene juga memetik bahawa Said (1985) menyatakan Islamofobia membawa kepada kesan stigma terhadap identiti Muslim, dikatakan sebagai bangsa yang ganas tidak bertamadun, yang mahu memusnahkan tamadun Barat dan mengambil alih dunia. Stigma dan ketakutan ini telah menyebabkan proses rasialisasi berlaku di kalangan masyarakat. Considene juga telah menyimpulkan dapatan daripada Runnymede Trust (1997) yang mendefiniskan Islamofobia sebagai ketakutan dan pemikiran sempit yang tidak berasas terhadap Islam, orang Islam atau budaya Islam. Definisi ini telah menyimpulkan 8 karakter Islamofobia; 1) Islam sebagai blok monolitik, pegun dan tidak berubah 2) Islam terasing daripada arus perdana (*mainstream*) dan tidak mempunyai persamaan dengan budaya lain, 3) Islam dianggap lebih rendah daripada Barat, barbarik, tidak rasional, primitif dan seksis, 4) Islam dianggap kejam, agresif, mengancam, penyokong keganasan, dan bercanggah dengan ketamadunan, 5) Islam adalah ideologi

politik dan digunakan untuk kepentingan politik dan ketenteraan, 6) Kritikan Muslim terhadap Barat adalah ditolak sama sekali, 7) kekejaman terhadap Islam adalah kerana untuk merasionalkan diskriminasi terhadap Muslim dan 8) anti-Muslim dianggap sesuatu yang normal. Daripada 8 karekter ini Considine menyatakan Allen (2010) telah menambah tiga lagi komponen Islamofobia; Islamofobia sebagai ideology, Islamofobia sebagai mod operasi dan Islamofobia sebagai praktis untuk mengasingkan, mendiskriminasi Muslim dan Islam daripada kerangka social dan politik. Ini termasuklah penggunaan kekerasan untuk matlamat Islamofobia.

September dan Sheridan (2016) telah mengkaji kronologi kemunculan awal perkataan Islamofobia melalui medium penulisan. Kemunculan perkataan Islamofobia dikatakan bermula pada Februari, 1991 melalui penerbitan bersiri di Amerika Syarikat. Islamofobia telah dimasukkan sebagai entri dalam kamus Oxford pada tahun 1997. Islamofobia berfungsi sama seperti perkataan *xenophobia* yang menunjukkan kebencian terhadap Islam dan penganutnya. Sheridan juga menyatakan prejudis dengan sesuatu yang berkaitan agama adalah lebih dahsyat berbanding prejudis terhadap bangsa dan etnik. Dalam hal ini, Hopkins, (2019) pula menyatakan; "*Islamophobia can be seen as an extension of earlier work about the spatialities of racial and ethnic inequalities and the complex geographies of racism*".

Kemunculan fenomena ketakutan, kebencian, prejudis dan diskriminasi terhadap Islam dan umatnya ini boleh dikategorikan kepada beberapa jenis; melalui tulisan, ucapan atau perbuatan. Pelbagai kajian berkaitan Islamofobia melalui perkataan antaranya Stewart (2019) yang telah menganalisa definisi ucapan kebencian berdasarkan kajian Parekh, beliau merumuskan bahawa ucapan kebencian mempunyai ciri; 1) ditujukan kepada kumpulan tertentu, 2) mempunyai stigma terhadap ciri tertentu sesuatu kumpulan, 3) kumpulan atau individu yang dibenci di dalam sesuatu komuniti. Selain itu, kebencian Islamofobia juga bukan hanya muncul dengan perkataan berbentuk lisan atau tulisan, malah boleh juga wujud secara imej dan simbol. Kajian Stewart mendapati ucapan kebencian boleh merosakkan dan membinasakan sesuatu kaum atau individu. Walau bagaimanapun, Considine (2017) mempunyai dua pendapat; bahawa terma Islamofobia masih samar-samar untuk diperdebatkan dan beliau menambah bahawa terma Islamofobia sebenarnya tidaklah wujud, ia hanyalah paranoid atau agenda imaginasi politik yang bertujuan untuk mewujudkan mentaliti kebencian terhadap orang Islam.

Kesimpulannya, kami berpandangan bahawa Islamofobia boleh didefinisikan sebagai satu bentuk kebencian, syak wasangka, prejudis dan diskriminasi terhadap Islam, penganutnya atau mereka yang simpati dengan Islam/Muslim, atau mereka yang mengamalkan ajaran Islam, dan Islamofobia ini wujud dalam bentuk tulisan, ucapan dan perbuatan. Islamofobia bukan sahaja terhad pada perlakuan individu malah merangkumi perlakuan sekelompok masyarakat. Kami juga berpandangan Islamofobia boleh berlaku bukan sahaja di kalangan orang/insitusi/negara bukan Islam malah penganut Islam sendiri boleh terpengaruh dan mengamalkan sentiment Islamofobia.

Perkembangan Islamofobia di Negara-negara Barat

Seperti yang disebutkan di atas, perkataan Islamofobia telah muncul sejak tahun 1991. Namun, gejala berkaitan Islamofobia telah muncul jauh lebih awal dari itu. Pelbagai insiden berlaku yang menyebabkan Islamofobia berkembang ke seluruh dunia. Kemuncaknya ialah tragedi 11 September 2001 membawa impak yang besar kepada masyarakat Muslim di seluruh dunia. Islam dilabelkan sebagai agama pengganas, dan umat Islam yang mengamalkan ajaran Islam berhadapan dengan diskriminasi di serata dunia. Siri demi siri diskriminasi dihadapi oleh umat Islam di negara bukan Islam.

Walaupun Muslim dan Arab sering dikaitkan sebagai kumpulan radikal, kajian mendapati bahawa Muslim di Amerika bukanlah homogenus (Considine, 2017). Kebanyakan Muslim yang tinggal di negara Barat bersikap liberal dan sekular. The Pew Research Center menganggarkan terdapat lebih kurang 3.3 juta masyarakat Muslim berada di Amerika Syarikat pada 2015 (Mohamed, 2016). Kajian mendapati 30 peratus daripada mereka mengklasifikasikan diri mereka sebagai 'kulit putih', 23 peratus sebagai 'kulit hitam', 21 peratus sebagai bangsa Asia, 6 peratus sebagai Hispanik, 19 peratus campuran. Muslim di Amerika Syarikat terdiri dari pelbagai kaum dan tidak semua Muslim berhadapan dengan diskriminasi, kajian menunjukkan

Muslim Asia menerima diskriminasi paling sedikit berbanding Muslim daripada bangsa dan etnik yang lain (Zainiddinov, 2016). Boleh disimpulkan bahawa Muslim dari bangsa Arab dan Afrika menerima lebih banyak diskriminasi di Amerika Syarikat.

Namun, serangan-serangan yang dikatakan dilakukan oleh orang Islam di Amerika Syarikat menjadi penyumbang kepada gejala Islamofobia di negara tersebut. Peristiwa pembunuhan 50 orang di sebuah kelab yang dikaitkan dengan golongan LGBT oleh seorang suspek yang dilaporkan terlibat dengan gerakan ISIS merupakan satu serangan dahsyat di Amerika Syarikat selepas serangan 11 September 2001. Tragedi pembunuhan ini mengakibatkan kemunculan gelombang anti Muslim akibat daripada laporan media dan ahli politik berhaluan kanan yang mengaitkan pembunuhan tersebut dengan agama Islam. Trump membuat andaian bahawa sekiranya ibu bapa suspek tidak dibenarkan masuk ke negara tersebut, maka pembunuhan itu tidak akan terjadi. Trump yang ketika itu merupakan calon Presiden membuat kenyataan bahawa masalah imigran adalah punca kepada keganasan yang muncul (Boulahne, 2019).

Hinggalah yang terbaru, pada 16 Oktober 2020, seorang guru di Perancis telah dipenggal kepalanya sejeurus keluar dari sekolah. Tindakan pembunuh ini telah dikecam sebagai tindakan penganas seperti yang disebutkan oleh Presiden Perancis, Emmanuel Macron, tetapi apakah yang menyumbang kepada insiden itu? Pastilah ia muncul apabila tiada lagi sikap toleransi dan hormat-menghormati masyarakat terhadap sensitiviti kumpulan lain. Aktiviti provokasi, salah faham dan kebencian menyemarakkan lagi Islamofobia. Namun lebih dikesali, kemungkinan penyerang salah faham terhadap tindakan guru tersebut dan telah menganggapnya sebagai satu penghinaan. Sedangkan mangsa tersebut sama sekali tidak berniat demikian, dan hanyalah berkongsi gambar sebagai salah satu cara untuk mengajar murid-murid.

Peristiwa yang baru saja berlaku ini adalah satu tindakan yang amat dikesali dan sudah pastinya akan menyemarakkan lagi ketakutan masyarakat negara Barat terhadap Islam dan penganutnya. Muslim akan dilihat sebagai ganas, tidak bertamadun dan tidak rasional. Sedangkan Islam mengajarkan umatnya agar mencari penyelesaian dengan cara yang berhikmah sebelum melakukan apa-apa tindakan. Kisah yang berlaku di Perancis ini menjadi bahan liputan media; media cetak dan media elektronik. Kajian terhadap media CNN dan Fox News di Amerika Syarikat juga menunjukkan bagaimana media berperanan mencambah kebencian terhadap Islam dan umat Islam (Considine, 2017). Di Australia juga, autoriti dan ahli parlimen juga menunjukkan kecenderungan Islamofobia mereka secara terang-terangan.

Apabila Islam dan Muslim sering digambarkan secara salah dan negatif, maka masyarakat dunia akan memandang serong malah menyerang balas dengan lebih dahsyat. Inilah yang berlaku apabila seorang penyerang berkulit putih, Brenton Tarrant melepaskan tembakan terhadap Jemaah di dua buah masjid di Christchurch, New Zealand pada Mac 2019. Serangan ini mengakibatkan 51 orang Islam terbunuh termasuk kanak-kanak berusia 3 tahun. Tarrant didapati bersalah dan telah dipenjarakan seumur hidup tanpa peluang parol (Perry, 2020)

Jika dahulu, Islamofobia tersebar melalui perkataan dan lisan, melalui media cetak dan media elektronik, zaman ini lebih parah lagi. Islamofobia merebak dengan meluas dengan kemunculan pelbagai media baharu seperti WhatsApp, Facebook, Twitter dan Instagram. Kajian yang dijalankan oleh Awan pada 2016 kemunculan komuniti alam maya meningkatkan lagi kumpulan yang menyebarkan keganasan, Islamofobia dan naratif rasis. Selain itu kajian yang dijalankan oleh Hackett (2020) juga menunjukkan bilangan kumpulan anti Muslim di Amerika Syarikat telah meningkat hampir 3 kali ganda antara 2015 dan 2016. Keganasan terhadap Muslim juga meningkat 67 peratus pada tahun 2015 sahaja. Facebook sebagai contoh telah menjadi salah satu platform media sosial yang paling pantas berkembang. Melalui Facebook, komuniti maya berkembang dan mudah menyebarkan pandangan dan gesaan berkaitan Islamofobia.

Metodologi

Kajian ini tertumpu kepada Islamofobia di tiga buah negara di mana masyarakat Muslim merupakan masyarakat minoriti iaitu Amerika Syarikat, United Kingdom dan Australia. Populasi Muslim di United Kingdom adalah seramai 2.7 juta orang berdasarkan MCB Census Report 2015. Manakala jumlah bilangan masyarakat Muslim di Australia adalah seramai 604,000 berdasarkan Australia Census 2016. Manakala

masyarakat Muslim di Amerika Syarikat adalah seramai 3.45 juta orang (Mohamed, 2018). Masyarakat Muslim merupakan warga minoriti di ketiga-tiga buah negara ini. Ketiga-tiga negara ini dipilih kerana mewakili tiga benua yang berbeza. Trend Islamofobia akan dianalisa berdasarkan kategori perlakuan Islamofobia, medium penyebaran Islamofobia dan kesan Islamofobia di ketiga-tiga negara terbabit. Seperti yang dinyatakan dalam analisa peringkat awal, trend Islamofobia boleh dikesan melalui pelbagai medium; percakapan, penulisan sama ada di media sosial atau akhbar, media elektronik dan ucapan pemimpin gerakan politik.

Dapatan Kajian

Islamofobia di Amerika Syarikat

Gerakan anti Islam sebenarnya agak dahsyat di Amerika Syarikat berbanding di United Kingdom. Umum mengetahui kelantangan Presiden Donald Trump yang dalam beberapa isu masyarakat Islam di negara itu, seperti mencadangkan agar masyarakat Islam didaftarkan kerana Trump meragui ketaatan masyarakat Islam. Dalam satu laporan pada 2016, Awan menyatakan bahawa kebencian terhadap Muslim sudah berubah dari skala masyarakat kepada skala lebih besar arus perdana. Calon Presiden pada tahun 2016 dengan jalan membuat komen "Islam membenci kita", "saya tidak menyokong orang Islam untuk mentadbir negara ini dan penggunaan perkataan yang mencemuh Islam "*creeping sharia*," dan sekurang-kurangnya 32 negeri di Amerika Syarikat telah memperkenalkan dan membahaskan undang-undang anti-Shariah (Considine, 2017). Pada tahun 2011 dan 2012, 78 undang-undang untuk merendah-rendahkan agama Islam. Undang-undang anti Sharia telah diperkenalkan di Arizona, Kansas, South Dakota dan Tennessee pada 2011 dan 2012. Islamofobia semakin meruncing dengan kewujudan industry yang menyokong propaganda Islamofobia. Kumpulan anti Muslim dan organisasi anti Muslim menikmati akses sekurang-kurangnya 205 juta USD untuk menyebarkan ketakutan dan kebencian terhadap Muslim (Council on American-Islamic Relations 2016, p. v dalam Considine 2017). Pada tahun 2011 sebagai contoh, Center for American Progress (CAP), sebuah organisasi penyelidikan polisi di Washington mendapati 7 pertubuhan kebajikan telah membelanjakan 42.6 juta USD pada 2001 dan 2009 untuk menyokong penyebaran retorik anti Muslim dan anti Islam di Amerika Syarikat (Considine, 2017). Beberapa organisasi dan yayasan yang bertindak menyuburkan Islamofobia juga telah dikenalpasti antaranya Donors Capital Fund, the Richard Mellon Scaife Foundation, the Lynde and Harry Bradley Foundation, the Newton and Rochelle Becker Foundation and Newton and Rochelle Becker Charitable Trust, the Russell Berrie Foundation, the Anchorage Charitable Fund and William Rosenwald Family Fund, dan the Fairbrook Foundation. Penyuburan kempen anti Islam inilah telah menyebabkan keganasan dan serangan terhadap Muslim dan Masjid.

Agenda Islamofobia juga lebih pantas tersebar melalui akaun media sosial seperti Facebook dan Instagram. Facebook yang dipelopori oleh Mark Zuckerberg telah menjadi media sosial terbesar di dunia dengan menyaksikan jumlah mereka yang log masuk ke akaun Facebook sebulan meningkat ke 1.35 billion pengguna dengan mencatatkan keuntungan lebih satu billion USD (Awan, 2016). Kajian telah mendapati bahawa proses normalisasi Islamofobia telah berlaku dengan penggunaan sosial media.

Media di Amerika Syarikat juga berperanan menjadi agen Islamofobia. Kajian terhadap dua saluran berita di Amerika Syarikat iaitu CNN dan Fox News mendapati kedua-dua saluran ini mempunyai kecenderungan untuk memberikan liputan berkaitan Islam, orang Islam dan berita berkaitan Islam, Sharia, Ben Laden, Hamas, Jihad dan al Qaeda. Fox News juga kerap memberikan maklumat yang kurang tepat terhadap Islam dan orang Islam dan media ini mempunyai agenda tersendiri dalam memberikan liputan negatif. Agenda media ini adalah untuk mempengaruhi penonton agar menyokong calon Republikan ketika itu. Menurut Media Tenor International (Considine, 2017), sepanjang 2007 hingga 2013 stesen berita seperti FOX, NBS dan CBS memaparkan bahawa Islam adalah punca keganasan. Media utama juga sering memaparkan bahawa keganasan tentera Islam dalam konflik Asia Barat. Media lebih kerap memaparkan serangan yang dilakukan oleh Muslim terutamanya oleh bukan warganegara Amerika Syarikat sedangkan serangan bukan Islam adalah lebih banyak. Seorang penulis Erin Kearns memberitahu National

Public Radio (NPR) pada June 2017, jika serangan itu dilakukan oleh seorang Islam, berita ini akan mendapat liputan media empat kali ganda setengah berbanding jika serangan itu dilakukan oleh orang bukan Islam. Kearn juga menyatakan "penyerang bukan Islam perlu membunuh lebih kurang 7 orang atau lebih untuk mendapatkan liputan yang sama jika penyerangnya ialah seorang Muslim".

Bukan sahaja berita, malah dalam media hiburan juga menyemarakkan penghinaan terhadap agama Islam dan Muslim. Imej Arab dan Muslim sebagai pengganas semakin kerap digunakan dalam filem aksi (Wilkins, 2007). Shaheen (2003) yang mengkaji bagaimana filem dan rancangan televisyen di Amerika Syarikat pada dekad yang lalu mendapat bahawa Hollywood telah menggambarkan orang Arab sebagai pembunuh kejam, perogol tidak berperikemanusiaan, fanatik terhadap agama, saudagar minyak kaya dan pendera wanita: "*brute murderers, sleazy rapists, religious fanatics, oil-rich dimwits and abusers of women.*" Shaheen juga mendapati 932 daripada 1000 filem Hollywood yang berkaitan orang Arab, telah memaparkan Arab sebagai berhati kering, Muslim yang dahagakan wang atau teroris yang ingin memusnahkan tamadun Barat.

Kajian juga dilakukan terhadap penggunaan terma ganti nama dalam liputan berita Islamofobia di Amerika Syarikat. Boulahne (2019) mengemukakan teori menarik yang dikaji T. A Van Dijk (1995), yang dipanggil Ideological Square, menyatakan bahawa penggunaan perkataan 'kami' dengan membawa konotasi positif manakala golongan 'mereka' membawa konotasi negatif kepada golongan yang disasarkan. Dalam kes Islamofobia, media menggunakan ganti nama '*us*' untuk merujuk kepada masyarakat selain 'Muslim' yang dipanggil '*them*'. Kata ganti nama ini seolah-olah mengeluarkan mereka daripada kelompok masyarakat. Inilah perkataan yang sering diucapkan di dalam media di Amerika Syarikat seolah-olah masyarakat Islam itu bukan sebahagian daripada Amerika apabila sering dirujuk sebagai 'mereka'.

Islamofobia di Australia:

Terdapat banyak kajian menunjukkan Muslim menjadi sasaran ucapan kebencian di Australia. Stewart (2019) menyatakan minoriti Muslim kerap menjadi target pembulian di jalanan berbanding kaum minoriti lain. Kemunculan media social menjadi katalis pembulian yang berpunca daripada Islamofobia di Australia. Malah lebih menakutkan, kerana ancaman gejala Islamofobia ini tidak hanya datang daripada orang awam, malah daripada anggota parlimen sendiri. Pauline Hanson pemimpin One Nation Party sengaja memakai Burka di dalam Parlimen untuk menunjukkan kawalan keselamatan yang tidak ketat di Parlimen Australia. Ini menunjukkan seolah-olah burqa dikaitkan dengan pengganas dan jenayah. Malah seorang pemimpin juga menghina penduduk Islam yang menyatakan mereka adalah penyebab kenapa tembakan di New Zealand berlaku pada Mac 2019.

Burka seringkali dikaitkan dengan aktiviti keganasan dan menjadi faktor utama penubuhan gerakan 'ban the burqa in Australia', mereka menggambarkan orang yang memakai burka amat mengelirukan orang awam; sama ada si pemakai adalah lelaki, perempuan atau teroris di sebalik burka mereka. Ini menunjukkan pemakaian orang Islam adalah dikaitkan dengan aktiviti keganasan dan membawa kepada bahaya fizikal terhadap masyarakat awam. Kesemua ini boleh mencetuskan keganasan dan prejudis terhadap komuniti Muslim. Selain itu, mereka sering menggambarkan pakaian wanita Muslim adalah berbentuk diskriminasi menghalang kebebasan dan penindasan terhadap kaum wanita. Perkara ini adalah tidak menghairankan kerana bagi masyarakat mereka, tidak ada orang yang berhak menentukan apa yang wajib dipakai oleh seseorang individu.

Terdapat juga gerakan yang cuba menghentikan penjualan makanan halal dan pensijilan Halal di Australia, antaranya Kumpulan Boikot Halal Australia yang berpandangan bahawa penjualan dan pensijilan makanan dan produk Halal adalah untuk menyalurkan dana kepada kumpulan teroris (Stewart, 2019). Walau bagaimanapun, badan penyiasat Parlimen telah mendapati bahawa pensijilan Halal di negara itu tidak berkait langsung dengan kegiatan pengganas. Selain itu, terdapat kumpulan-kumpulan anti Islam lain yang juga anti imigran Muslim dengan pandangan bahawa orang Islam yang berhijrah ke negara itu akan mengubah Australia dengan melaksanakan hukum Islam dan menjadikan orang bukan Islam di bawah

kekuasaan mereka. Mereka juga anti dengan sebarang simbol agama Islam seperti masjid dan juga pakaian yang dinisbahkan kepada orang Islam di Australia.

Islamofobia di United Kingdom:

Pelbagai dapatan kajian menunjukkan diskriminasi dan prejudis tidak berapa ketara di United Kingdom sebelum tahun 2000. Buli dan prejudis berlaku di kalangan masyarakat berdasarkan bangsa dan etnik berbanding atas dasar agama sebagai contoh etnik Pakistan dan Bangladesh (Sheridan, 2006). Etnik Asia berkulit gelap lebih kerap dibuli berbanding etnik Asia berkulit cerah, selain minority Hindu lebih kerap dibuli berbanding minoriti lain.

Satu kajian menerusi telefon pada tahun 2002 oleh ICM Research mendapati 69 peratus responden Muslim menyatakan bahawa mereka merasakan tersisih daripada arus perdana masyarakat British (Sheridan, 2006). Satu kajian lain (Weller, Feldman, & Purdam, 2001) mendapati organisasi Muslim melaporkan bahawa masyarakat Muslim di United Kingdom berterusan menghadapi layanan tidak adil dalam bidang pendidikan, pekerjaan, perumahan, undang-undang dan perkhidmatan kerajaan tempatan. Layanan tidak adil dikatakan semakin ketara selepas 1996.

Rasis dan xenophobia kian meningkat susulan tragedi 11 September 2001. The Europe and Monitoring Centre on Racism and Xenophobia telah menjalankan satu sistem untuk merekod reaksi anti Islam di seluruh 15 negara EU. Sheridan menganalisa laporan pada 2002 oleh Allen & Nielsen yang mendapati bahawa masyarakat Muslim dan kumpulan minoriti lain menghadapi peningkatan jumlah yang ketara dalam insiden penderaan vokal, kecaman dan ancaman fizikal. Bentuk kecaman dan ugutan juga pelbagai, secara metod tradisional dan lebih moden merangkumi panggilan kecaman panggilan telefon, pesanan yang ditinggalkan di atas kereta, surat yang dihantar ke rumah, masjid dan pusat Islam. Kumpulan pelampau kanan dan neo-Nazi mula merencanakan aktiviti mereka. Kajian Allen & Nielsen juga mendapati Muslim identiti sahaja sudah cukup menjadikan faktor mereka untuk dibuli. Pemakaian tudung dan skaf oleh wanita Muslim akan menjadi sasaran buli dan kecaman di negara Eropah.

Kajian yang dijalankan oleh Awan di United Kingdom terhadap 100 akaun Facebooks, mendapati 494 insiden ucapan kebencian terhadap Muslim komuniti. Kajian ini juga mendapati terdapat persamaan di antara pelbagai kumpulan Facebook yang mendapati Muslim komuniti dianggap dibenci melalui ancaman perlakuan negatif, diskriminasi, stereotaip, ancaman fizikal dan pembulian maya. Kajian Awan ini menunjukkan bahawa Islamofobia tidak hanya berlaku secara konvensional malah turut berleluasa di media sosial. Ancaman secara media sosial lebih berbahaya kerana pemilik akaun sukar dikenal pasti menyebabkan pengguna lebih suka memilih medium ini untuk melancarkan serangan terhadap Islam dan agama Islam.

Islamofobia dikatakan semakin meruncing di United Kingdom selepas serangan bom di London pada 7 Julai 2005 (Hussain dan Bagguley, 2012). Dalam pada itu, Abbas (2020) mendakwa bahawa proses rasialisasi dan peminggiran kerap berlaku, ini adalah untuk memperlekehkan kerakyatan masyarakat Muslim di United Kingdom. Muslim juga sering dikaitkan dengan imej yang negatif. Menurut Abbas lagi, masyarakat Muslim tidak digemari kerana dikategorikan sebagai golongan 'lain' yang ekstrem, Muslim tidak disukai kerana dianggap sebagai cabaran kepada keselamatan awam dan suara Muslim adalah tidak boleh dipercayai. Tinjauan yang dibuat oleh akhbar The Independent pada 2019 mendapati bahawa 31 peratus populasi Britain menyakini bahawa Islam adalah ancaman kepada kehidupan rakyat British. Walau bagaimanapun, ini adalah pandangan di kalangan masyarakat berkulit putih yang mempunyai pendidikan yang rendah. Namun Islamofobia juga adalah satu masalah di kalangan masyarakat pertengahan juga (The Independent, 2019).

Menurut laporan Islamophobia Report in United Kingdom 2017, Islamofobia makin meruncing dengan BREXIT yang telah menunjukkan peningkatan terhadap insiden keganasan dan jenayah benci sama ada dalam talian atau secara fizikal. Jenayah kebencian berkaitan agama mencecah 35 peratus dan kebanyakannya berkaitan dengan sentimen anti-Muslim. Di Greater London sahaja, serangan Islamofobia meningkat 40 peratus dan serangan terhadap tempat ibadah orang Islam meningkat ke 110 kes berbanding

47 peratus pada tahun sebelumnya. Keganasan terburuk selepas serangan 2005 berlaku pada 22 Mei 2017, iaitu serangan berani mati di Manchester Arena yang menyebabkan 22 orang terbunuh dan 250 cedera. Pada 23 Jun pula seorang lelaki telah membawa van menuju ke sebuah rumah pemilik restoran di barat daya London, sebelum serangan, penyerang telah memberi isyarat hormat ala Nazi dan melaungkan "kekuasaan orang kulit putih". Penyerang merupakan warga berkulit putih dan telah memberitahu polis bahawa dia mahu membunuh Muslim.

Media di United Kingdom juga didapati kerap memaparkan insiden yang membawa impak Islamofobia. Baroness Sayeeda Warsi, mantan menteri kabinet dari parti Konservatif menuduh akhbar-akhbar di negara itu dengan Islamofobia dan ucapan kebencian sebagai dalam sebuah laporan akhbar The Sun. Rentetan itu, beliau mendesak Parlimen agar menyiasat perkara tersebut. Pemimpin parti Labour, Jeremy Corbyn, juga menuduh akhbar tersebut sebagai menyemarakkan insiden Islamofobia. Akhbar seperti the Times dan Daily Mail juga turut dilaporkan menerbitkan artikel berunsurkan Islamofobia.

Walau bagaimana pun pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan untuk mencegah Islamofobia. Pertubuhan seperti MEND, IHRC, the Muslim Council of Britain (MCB), Hope not Hate, Stop Funding Hate, dan Tell MAMA terlibat dalam pelbagai aktiviti untuk mencegah anti Muslim propaganda dan memberi kefahaman jelas untuk memperbaiki hubungan antara kaum di Britain.

Faktor Islamofobia:

Ada beberapa kemungkinan yang menyumbang kepada peningkatan sentimen dan propaganda Islamofobia di tiga negara tersebut. Faktor ini boleh dibahagikan kepada dua faktor; faktor luaran dan dalaman. Antara faktor luaran ialah kemunculan insiden keganasan yang dikaitkan dengan orang Islam. Sejak 10 tahun kebelakangan ini, kemunculan Islamofobia rentetan kemunculan beberapa serangan; Serangan 11 September, pengeboman di London, pemberontakan di Paris, teroris di Jerman, dan kemunculan Al Qaedah, Ben Laden dan ISIS.

Sebelum tragedi 11 September, media menjadi faktor peningkatan kes Islamofobia. Kesalahfahaman terhadap orang Islam akibat imej yang dipaparkan melalui media dan filem. Sheridan melaporkan bahawa kajian Madani (2000) menganalisa tajuk akhbar sejak 1956 hingga 1997 dan mendapati media Amerika Syarikat lebih banyak memaparkan sisi negatif Muslim-Arab berbanding orang Eropah dan Israel. Selain berita akhbar bercetak dan elektronik, industri perfileman barat sering memaparkan imej buruk masyarakat Arab dan Islam menyebabkan stigma terhadap masyarakat Muslim kian buruk.

Selain faktor luaran, faktor dalaman juga menjadi pencetus kepada gejala Islamofobia. Antaranya ialah keengganan masyarakat Muslim imigran untuk menghayati budaya masyarakat Barat. Muslim yang bersikap tertutup, pegun dan pasif lebih sukar untuk mengasimilasikan diri dan keluarga mereka ke dalam masyarakat Barat, menyebabkan mereka terasing dan terpinggir. Dan akhirnya mereka dijadikan sasaran masyarakat yang lebih dominan dan majoriti. Namun, dapat difahami keengganan kumpulan Muslim ini mungkin kerana kesalahfahaman terhadap budaya asing dan kerisauan bahawa budaya asing akan mencemarkan aqidah dan kehidupan bersyariat yang diamalkan.

Trend Islamofobia:

Beberapa trend dan persamaan Islamofobia dapat dilihat berdasarkan kajian dan laporan di tiga buah negara, Amerika Syarikat, Australia dan United Kingdom. Trend yang paling ketara ialah Islamofobia muncul dengan pelbagai medium yang ada; secara konvensional, perkataan secara langsung sama ada diucapkan di tempat awam atau secara persendirian. Tempat awam seperti kawasan masjid, sekolah dan secara persendirian melalui surat dan *flyers* kereta persendirian.

Trend seterusnya ialah kemunculan Islamofobia menggunakan teknologi semasa iaitu akaun media sosial seperti Facebook dan Instagram. Serangan melalui media sosial ini berlaku sama ada secara akaun

individu atau akaun berkumpulan. Lebih malang, kumpulan anti Islam ini mendapat dana dan bantuan untuk menyebarkan Islamofobia mereka seperti laporan yang disebutkan di Amerika Syarikat.

Trend Islamofobia melalui media bercetak, media elektronik dan filem. Islamofobia yang disebarkan melalui akhbar bercetak dan elektronik dikesan secara meluas di Amerika Syarikat, United Kingdom dan Australia. Kebanyakan media bersikap *bias* dan berat sebelah dalam memaparkan insiden keganasan yang dilakukan oleh orang Islam berbanding insiden yang dilakukan oleh orang bukan Islam. Walau bagaimanapun, dari segi data dan bilangan, filem keluaran Hollywood lebih banyak memaparkan propaganda anti Arab dan Islam, bukan sahaja pada millennium 2000, malah telah bermula lebih awal lagi. Filem dan rancangan Hollywood yang memaparkan Islam sebagai punca keganasan adalah salah satu faktor terbesar penyebaran sentimen Islamofobia ke seluruh dunia.

Kesan Islamofobia terhadap pengamalan Islam di negara-negara kajian:

Pakar merumuskan bahawa Islamofobia memberi kesan buruk kepada etnik Muslim minoriti (Elkassam et al, 2018) Selain itu, Lal (2015) menyatakan bahawa pendirian anti Muslim Presiden Donald Trump memberi kesan hebat yang mahukan masjid ditutup. Pendirian ekstrem Trump menunjukkan seolah-olah masjid adalah punca keganasan dan penutupan masjid pastilah memberi impak yang besar terhadap pengamalan Syariat umat Islam di Amerika Syarikat. Masjid bukan sahaja pusat ibadah, malah merupakan pusat aktiviti masyarakat. Ibadat di masjid terutama bagi kaum lelaki adalah satu kewajipan dan bukannya satu alternatif, maka pastinya ia akan memberi impak besar kepada umat Islam menunaikan kewajipan mereka. Solat Jumaat, Solat fardu lima waktu yang merupakan fardu ain bagi semua umat Islam yang telah akil baligh. Selain daripada mencadangkan penutupan masjid, Trump juga memberi cadangan agar masyarakat Muslim di negara terbabit perlu mendaftarkan diri mereka kerana dia berasa ragu-ragu dengan kesetiaan masyarakat Muslim terhadap negara Amerika Syarikat. Paling menyedihkan antara implikasi Islamofobia terhadap Muslim Amerika menurut Lal, ialah lebih ramai Muslim yang menjadi mangsa serangan teroris berbanding bukan Islam lain, Muslim juga telah dinafikan hak untuk mendirikan Islamic Centre di "Ground Zero" dan ini menunjukkan bahawa kawasan itu tiada ruang langsung untuk Muslim.

Di Britain pula kesan Islamofobia memberikan kesan hebat dari segi politik yang dipelopori oleh parti politik UKIP, pemimpin Paul Nuttall telah melabelkan Muslim radikal sebagai kanser yang perlu dihapuskan. Abbas (2020) menyimpulkan bahawa Islamofobia di United Kingdom telah menyamaratakan sentiment anti imigran, sentiment xenophobia dan meminggirkan Muslim minoriti daripada arus perdana. Selain itu timbalan pengerusi wanita parti UKIP juga menggesa agar undang-undang imigresen diperketatkan (Islamophobia Report, 2017). UKIP juga telah melancarkan kempen "*Integration Agenda*" pada 24 April yang mana hampir setiap agendanya adalah mensasarkan Muslim secara langsung dan tidak langsung. Manifesto itu berjanji akan melaksanakan larangan terhadap 'pemakaian menutup muka dan mengharamkan mahkamah Syariah di United Kingdom, termasuklah beberapa langkah anti Muslim seperti moratorium terhadap sekolah agama baru, penutup sekolah Islam yang mengajarkan ideology terhadap kanak-kanak, dan melarang khitan bagi kanak-kanak (*female genital mutilation*) dan akan melaksanakan pemeriksaan secara berkala setiap tahun. Muslim di Britain akan menghadapi kesukaran melaksanakan syariah islam dari sudut pemakaian, dan mendapat kekangan mendapatkan pendidikan Islam di negara tersebut. Walau bagaimanapun, tiga parti terbesar iaitu Konservatif, Labour dan Liberal Democrat mengambil pendekatan pertengahan yang lebih rasional namun dalam masa yang sama-sama tetap mengambil langkah berjaga-jaga. Beberapa orang ahli parlimen (MP) dari kalangan parti terbesar Britain juga turut terpalit dengan insiden Islamofobia. Dr Zubaida Haque seorang penyelidik dari Runnymede Trust mendakwa bahawa pertambahan 50 peratus tahanan penjara di kalangan Muslim sejak sedekad yang lalu adalah disebabkan profiling perkauman dan sikap stereotaip yang diamalkan oleh masyarakat Britain.

Dari sudut kebebasan berpakaian, Britain lebih rasional dengan jaminan Theresa May "*it is the right of all women to choose how they dress and we don't intend to legislate on this issue ... it is not for government to tell women what they can or cannot wear and we want to continue that strong tradition of freedom of expression*". Kenyataan ini berikutan satu kecaman terhadap Ofsted (badan pemantau

pendidikan kerajaan) kerana membenarkan nazi (*inspector*) di sekolah mempertikaikan pelajar wanita yang memakai hijab. Lebih seribu pemimpin agama, guru dan akademik telah membuat surat bantahan terhadap tindakan Ofsted ini yang dikatakan menyemarakkan anti-Muslim sentiment di institusi pendidikan. Insiden ini menunjukkan sekali pun gejala Islamofobia semakin hebat di United Kingdom, namun masyarakat Muslim terutama wanita tidak terhalang untuk memakai pakaian yang menutup aurat.

Kesimpulan dan Penutup

Menganalisa fenomena Islamofobia di ketiga-tiga buah negara; Amerika Syarikat, United Kingdom dan Australia, kita boleh membuat kesimpulan bahawa trend Islamofobia yang berlaku tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan dari segi kategori insiden yang berlaku. Ketiga-tiga negara melaporkan insiden Islamofobia yang hampir sama, melalui perkataan secara langsung di jalanan, melalui medium saluran berita bercetak dan elektronik, ucapan dan kenyataan pemimpin parti politik, kewujudan kumpulan anti Islam dan Muslim yang lantang bersuara, dan pertambahan bilangan kes serangan akibat sentiment Islamofobia 10 tahun kebelakangan ini. Walau bagaimana pun, kajian juga mendapati terdapat usaha yang telah dijalankan oleh badan kerajaan Muslim yang berusaha mengharmonikan keadaan. Dalam masa yang sama, terdapat usaha daripada pihak kerajaan Britain dan Australia untuk mempertahankan kebebasan umat Islam di negara terbabit mengamalkan Syariat, dari sudut pemakanan dan produk halal dan pemakaian tudung. Undang-undang mengekang keganasan terhadap mana-mana pihak juga telah diperketatkan. Walau bagaimanapun, Amerika Syarikat menyaksikan insiden Islamofobia yang menggusarkan, kerana rasionalisasi Islamofobia didokong oleh Presiden Trump. Selain itu terdapat usaha pihak berkuasa negeri-negeri di Amerika Syarikat mengenyahkan peraturan Syariah. Malah kajian juga mendapati gerakan dan kumpulan anti Islam dan Muslim diberi dana oleh pihak tertentu untuk menyemarakkan sentiment Islamofobia di kalangan masyarakat. Kita boleh menyimpulkan juga walau pun gejala Islamofobia wujud dan berkemungkinan agak sukar untuk dihapuskan secara total, namun masyarakat di negara terbabit khususnya di kalangan mereka yang berpendidikan tinggi lebih bersikap rasional dan tidak emosional. Umat Islam di negara terbabit dan di negara lain juga haruslah bersikap rasional dalam menangani gejala Islamofobia dan mengelakkan dari sebarang usaha yang boleh memecah-belahkan keharmonian hidup pelbagai bangsa.

Rujukan

- Abbas, T. (2020) Islamophobia as racialised biopolitics in the United Kingdom. *Philosophy & Social Criticism* · <https://doi.org/10.1177/0191453720903468>
- Awan, I. (2016). Islamophobia on Social Media: A Qualitative Analysis of the Facebook's Walls of Hate, *International Journal of Cyber Criminology (IJCC)*, 10 (1),1-20, ISSN: 0973-5089. DOI: 10.5281/zenodo.58517
- Bayrakli, E. & Hafez, F. (Eds) European Islamophobia Report 2017, Istanbul, SETA, 2018.
- Boulahnane, S. (2019). Homophobia And 'Un-Americanness' As Rising Facets Of Islamophobia: An Analysis Of Orlando Shooting Media Transcripts. *Jurnal Al-Tamaddun*, 14 (2), 143-152, <https://doi.org/10.22452/JAT.vol14no2.11>
- Considine, C. (2017). The Racialization of Islam in the United States: Islamophobia, Hate Crimes, and "Flying while Brown". *Religions*, 8(9), 165
- Elkassam, S., Csiernik, R., Mantulak, A., Kayssi, G., Hussain, Y., Lambert, K., Bailey, P., Choudhary, A. (2018). Growing Up Muslim: The Impact of Islamophobia on Children in a Canadian Community. *Journal of Muslim Mental Health*. 12 (1)
- Hopkins, P. (2019). Social Geography II: Islamophobia, transphobia, sizism, Progress in Human Geography. <https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/islamophobia>

- <https://www.abs.gov.au/AUSSTATS/abs@.nsf/mediareleasesbyReleaseDate/8497F7A8E7DB5BEFCA25821800203DA4?OpenDocument>
- <https://www.dailymail.co.uk/news/article-4641728/Number-Muslims-Australia-soars-Census-2016.html>
- <https://www.merriam-webster.com/dictionary/Islamophobia>
- <https://www.newidea.com.au/australian-muslim-population-how-many-muslims-in-australia>
- <https://www.statista.com/statistics/786165/muslim-population-in-the-us/>
- Hussain, Y. and Bagguley, P. (2012) Securitized Citizens: Islamophobia, Racism and the 7/7 London Bombings, *The Sociological Review*, 60 (4), 715-734.
- Independent (2019). New statistics confirm what we already knew – Islamophobia is thriving in all parts of British society”, Tuesday 16 July 2019 <https://www.independent.co.uk/voices/islamophobia-new-statistics-hope-hate-british-muslims-society-a9006516.html>
- Kallis, A. (2018). Islamophobia in United Kingdom National Report 2017, *European Islamophobia Report 2017*, 671-706.
- Kettani, H. (2010). Muslim Population in the Americas. *International Journal of Environmental Science and Development*. 10.7763/IJESD.2010.V1.26.
- Lal, V. (2015). Implications of American Islamophobia. *Economic and Political Weekly*. L(51). 12-14.
- Meri, L. K. T. A., & Nayan, S. S. O. L. B. M. (2018). Wacana Islamofobia Dalam Media Malaysia: Obligasi, Isu-Isu Dan Cabaran. 6, 93–112.
- Mohamed, B. (2018)]New estimates show U.S. Muslim population continues to grow. Retrieved from <https://www.pewresearch.org/fact-tank/2018/01/03/new-estimates-show-u-s-muslim-population-continues-to-grow/>
- Perry, N. (2020). New Zealand mosque shooter sentenced to life without parole. AP NEWS. Diakses 27.8.2020 <https://apnews.com/article/shootings-race-and-ethnicity-international-news-new-zealand-mosque-attacks-ap-top-news-b21dfe09d59ac0b7dd133645b43eb443>
- Sandford, A. (2020). Macron and Islam: What has the French President actually said to outrage the Muslim world? *Euronews*. diakses pada 27.10.2020 <https://www.euronews.com/2020/10/27/macron-and-islam-what-has-the-french-president-actually-said-to-outrage-the-muslim-world>
- Shaheen, J. (2003). Reel Bad Arabs: How Hollywood Vilifies a People. *The Annals of the American Academy of Political and Social Science*, 588, 171-193. Retrieved October 29, 2020, from <http://www.jstor.org/stable/1049860>
- Stewart, J. (2019) Anti-Muslim hate speech and displacement narratives: Case studies from Sri Lanka and Australia, *Aust J Soc*, 1–18, DOI: 10.1002/ajs4.83
- Tartaglia, S., Rollero, C., & Bergagna, E. (2019). The two sides of Islamophobia and the perception of threat from Islamic terrorists. *Journal of Community Psychology*, 47(7), 1772–1786. <https://doi.org/10.1002/jcop.22228>
- The Muslim Council in Britain (2015). *British Muslims in Numbers*. London: England. Retrieved from http://www.mcb.org.uk/wp-content/uploads/2015/02/MCBCensusReport_2015.pdf
- Purdam, KW, Weller, P, Feldman, A & P. Feldman, A (ed.) 2001, Religious Discrimination in England and Wales. Home Office, Home Office, Research, Development and Statistics Directorate.
- Zainiddinov, H. (2016). Racial and ethnic differences in perceptions of discrimination among Muslim Americans. *Ethnic and Racial Studies*, 39(15), 2701–2721. <https://doi.org/10.1080/01419870.2016.1164877>